

UMNO kurang senang kes Zakaria

Oleh ROZAMAN ISMAIL

PUTRAJAYA 31 Okt. - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, UMNO kurang senang dengan kes yang melibatkan Ahli Dewan Undangan Negeri Pelabuhan Klang, Datuk Zakaria Md. Deros dan mungkin akan membincangkannya dalam mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Khamis ini.

Beliau berkata, seseorang wakil rakyat perlu menunjukkan teladan yang baik kerana undang-undang dan peraturan negara digubal untuk dihormati oleh rakyat.

"Kita tak boleh fikirkan bahawa jika kita ada kedudukan, maka kita boleh ketepikan sebarang undang-undang dan peraturan kerajaan tempatan.

"Undang-undang mesti dihormati, kalau tidak mereka telah lakukan satu kesalahan," katanya kepada pemberita selepas mengadakan mesyuarat dengan Menteri Besar dan Ketua Menteri di sini, hari ini.

Najib diminta mengulas kontroversi yang melanda ADUN Pelabuhan Klang yang juga Ahli Majlis Perbandaran Klang (MPK) itu ekoran tindakannya membina rumah ala istana di kawasan perumahan kos rendah tanpa kebenaran MPK.

Seseorang wakil rakyat perlu menunjukkan teladan yang baik kerana undang-undang dan peraturan negara digubal untuk dihormati oleh rakyat

Menurut Timbalan Perdana Menteri, beliau baru sahaja mendapat laporan daripada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting berhubung kes tersebut.

Beliau berkata, berdasarkan kepada lapo-

ran itu, UMNO akan membincangkannya dalam satu mesyuarat khas bagi menentukan pendirian parti.

Mengulas gesaan agar wakil rakyat tidak dilantik sebagai ahli majlis pihak berkuasa tempatan (PBT), katanya, terdapat negeri

NAJIB TUN RAZAK
Timbalan Perdana Menteri

yang mengamalkan dasar tidak mahu melantik wakil rakyat sebagai ahli majlis.

Menurutnya, sesetengah negeri lain pula merasakan wakil rakyat sebagai tempat rujukan atau penghubung antara orang ramai dan PBT, kerana itu mereka perlu ada dalam majlis daerah.

"Pokoknya ialah salah guna kuasa. Kalau sekiranya mereka ada kedudukan dalam PBT, mereka mesti menghormati undang-undang kerajaan tempatan.

"Kalau mereka tidak menghormati undang-undang PBT, maka mereka telah lakukan satu kesalahan. UMNO kurang senang dengan apa yang berlaku," tegas beliau.